

Tajuk : Siswi Ditawan Pemandang.



TAWAN...insiden seorang lelaki warga Indonesia menawan siswi Unimas.

Siswi ditawan pendatang

Lelaki Indonesia hadapi masalah keluarga jerit mahu jumpa polis

>>Oleh Alias Abd Rani
alias@hmetro.com.my

KOTA SAMARAHAN: "Jangan bimbang, saya tidak akan cederakan kamu. Saya cuma mahu jumpa polis," bisik seorang lelaki warga Indonesia kepada seorang pelajar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), yang menjadi tawanannya selama 10 minit, petang kelmarin.

Kejadian kira-kira jam 5.30 petang itu berlaku di tepi surau Kolej Cempaka berdekatan Fakulti Perubatan universiti itu yang sedang dalam pembinaan.

Ketika kejadian, siswi berusia 22 tahun dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif itu sedang berjalan pulang seorang diri ke kolej kediamannya selepas tamat kuliah.

Sumber berkata, ketika penuntut tahun tiga itu menghampiri lokasi kejadian, suspek berusia awal 30-an yang berasal dari Lempur Danau, Indonesia, tiba-tiba menariknya sambil mengacukan pisau lipat ke leher sambil meminta mangsa supaya bertenang.

"Suspek menarik mangsa dari belakang sambil mengacukan pisau lipat ke arah gadis itu dan memberitahu dia tidak berniat mencede-



CEMAS...lelaki warga Indonesia acu pisau ke leher siswi Unimas.

rakan gadis itu sebelum berteriak mahu berjumpa polis kerana banyak membuat dosa," kata sumber itu.

Menurutnya, beberapa anggota polis berpakaian preman yang bergegas ke tempat kejadian cuba memujuk suspek supaya membebaskan mangsa.

"Bagaimanapun, ia tidak dihiraukan suspek yang sebaliknya menjerit memaklumkan dia hanya mahu berurusan dengan anggota polis yang lengkap beruniform," kata sumber itu lagi.

Jurucakap polis berkata, siasatan awal mendapati suspek bertindak demikian ke-

rana tertekan akibat masalah keluarga di kampung halamannya di Indonesia kerana mendakwa diancam bunuh oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Suspek menyerah diri se-jurus anggota lengkap beruniform tiba di lokasi kejadian sekali gus membebaskan tawanan tanpa sebarang kecederaan.

"Suspek kini ditahan bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pro-

fesor Mohd Fadzil Abdul Rahman ketika dihubungi berkata, laporan awal diterima mendapati suspek adalah seorang pekerja menghantar bahan binaan untuk kerja pembinaan Fakulti Perubatan itu.

"Suspek baru empat hari bekerja di negeri ini bertindak demikian kerana mendapat tahu isteri dan anaknya sedang diburu kerana hutang. Ketika kejadian, suspek bersama beberapa pekerja sedang menghantar bahan binaan dan bukannya pekerja di sini.

"Oleh itu, saya menegaskan bahawa kes ini berlaku bukan disebabkan tahap keselamatan longgar di Unimas. Kami berharap pihak luar tidak membuat andaian negatif berhubung tahap keselamatan di kawasan kampus ini," katanya yang memaklumkan itu kejadian pertama berlaku sejak Unimas ditubuhkan 20 tahun lalu.

Mengenai siswi terbabit, Mohd Fadzil berkata, pihak universiti sudah membawanya ke klinik Unimas dan bertemu kaunselor.

"Kita berusaha mententermkannya berikutan dia masih terkejut dan mengalami trauma di atas kejadian yang menimpanya," katanya.